

14/04/2000

Wanita diminta nasihat suami, anak usah sertai The Black 14

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Khamis - Wanita boleh memainkan peranan dengan mempengaruhi suami atau anak masing-masing supaya tidak menyertai perhimpunan haram The Black 14 di Masjid Negara, Sabtu dan Ahad ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata sebagai isteri atau ibu, mereka boleh menggunakan pengaruh masing-masing bagi maksud itu.

Katanya, perhimpunan itu bukan saja tidak berfaedah malah boleh menimbulkan keadaan kacau-bilau sekali gus mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Demonstrasi jalanan bukan budaya orang Malaysia. Jika kita tidak berpuas hati, ada saluran tertentu disediakan termasuk melalui wakil rakyat atau Ahli Parlimen.

"Dalam hubungan ini saya ingin meminta wanita memainkan peranan mereka supaya melarang suami atau anak masing-masing daripada menyertai perhimpunan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis dialog dengan pemimpin wanita pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Johor di Kompleks Mawar, di sini, hari ini.

Baru-baru ini tersebar risalah melalui Internet yang dikeluarkan oleh sebuah parti politik yang bertujuan mengajak orang ramai menyertai perhimpunan di kawasan Masjid Negara.

Berdasarkan risalah itu perhimpunan haram terbabit bertujuan memperingati ulang tahun pertama bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dijatuhi hukuman penjara enam tahun.

Mereka juga akan menghantar memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara kerana mendakwa Anwar dizalimi.

Pada 9 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau mempunyai maklumat bahawa penyokong sebuah parti merancang melakukan keganasan di ibu negara pada 14 dan 15 April ini.

Dalam perkembangan berkaitan, polis Johor memberi amaran keras terhadap penduduk negeri ini supaya tidak menjadikan negeri itu sebagai landasan mengerakkan sebarang aktiviti untuk mendapatkan sokongan bagi mengadakan perhimpunan haram yang dirancang itu.

Ketua Polis Johor, Datuk Zulkipli Mat Nor berkata, polis akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang sengaja mengumpulkan orang ramai untuk menyertai perhimpunan haram pada hari berkenaan.

Menurutnya, berpandukan peruntukan undang-undang sedia ada mana-mana pihak dan kumpulan yang cuba melakukan perbuatan berkenaan dengan menjadikan Johor sebagai landasan untuk mereka ke Kuala Lumpur bagi menyertai perhimpunan haram, akan dikenakan tindakan.

Katanya, polis mengingatkan penduduk negeri ini supaya tidak terpengaruh dengan pujukan mana-mana pihak yang cuba menghasut mereka untuk menyertai perhimpunan haram itu.

(END)